



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 12 Januari 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

KPDN dedah tiga modus operandi peniaga terbabit pengubahan wang haram

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak kenal pasti tiga modus operandi pengubahan wang haram dalam kalangan peniaga iaitu memasukkan hasil haram ke akaun perniagaan atau individu yang dicampur hasil perniagaan sah. Kedua, wang haram dimasukkan ke akaun perniagaan atau individu lain, mewujudkan 'shell company', beli aset atau melabur, bayar pinjaman, insurans dan ketiga menerusi 'hawala' iaitu sistem penghantaran wang rentas sempadan tanpa melalui sistem perbankan. → **Nasional 6**

Pengubahan wang haram

Campur aduk hasil perniagaan sah, haram

KPDN kenal pasti tiga modus operandi peniaga terbabit menjaya

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) mengenal pasti tiga modus operandi digunakan peniaga di negara ini dalam menjaya pengubahan wang haram.

Ia dikesan hasil operasi Bahagian Penguatu Kuasa KPDN dalam penguatkuasaan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembentukan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUA 2001) 2001 (Akta 613) sepanjang tahun lalu.

Ketua Pengarah Bahagian Penguatu Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam, berkata modus operandi itu adalah dengan memasukkan hasil haram ke dalam

akaun perniagaan atau akaun individu yang dicampur aduk dengan hasil perniagaan sah.

Selain itu, katanya, mereka dikesan memasukkan wang haram ke dalam akaun perniagaan atau akaun individu lain, mewujudkan 'shell company', membeli aset atau membuat pelaburan, membayar pinjaman, insurans dan lain-lain secara berstruktur.

"Modus operandi ketiga adalah menerusi 'hawala', iaitu sistem penghantaran wang tanpa melalui lingkungan sistem perbankan atau syarikat kewangan berlesen yang membabitkan rentas sempadan," katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Istilah 'shell company' biasanya merujuk syarikat yang hanya wujud secara sah atas kertas tanpa pekerja sepenuh masa dan tiada pejabat, seperti cangkerang yang kosong dan tidak ada apa-apa di dalamnya.

Syarikat berkenaan boleh menyimpan wang, rumah mewah, harta intelek, perniagaan dan aset lain serta memainkan peranan penting dalam memudahkan aliran wang haram.

Azman berkata, sepanjang 2023 juga, pembekuan harta alih da-



lam institusi kewangan membabitkan nilai RM21,217,979.11, manakala penyitaan membabitkan RM1,043,601.77 harta alih dalam institusi kewangan, harta tak alih bernilai RM2,607,181.00 dan wang tunai RM84,964.00.

"Ini menjadikan nilai penyitaan keseluruhan bagi 2023 sebanyak RM3,735,746.77," kata dia.

AKTA 613
Beliau mengakui, KPDN berdepan beberapa cabaran dalam menerapkan Akta 613, antaranya membabitkan transaksi aktiviti haram secara tunai dan tidak melalui sistem perbankan atau menggunakan keldai akaun atau 'mule account'.

Katanya, pembentuan badan profesional seperti akauntan dan setiausaha syarikat sebagai individu atau organisasi yang menyediakan perkhidmatan profesional membantu aktiviti pengubahan wang haram, turut menjadi cabaran siasatan.

"Cabaran akan datang perlu dihadapi adalah penggunaan transaksi mata wang kripto yang pelbagai dan ia bukan mata

wang sah diperlakukan di Malaysia.

"Tindakan berterusan akan dilaksanakan Seksyen Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Bahagian Penguatu Kuasa KPDN untuk memperkasakan penguatkuasaan Akta 613 dan memperolehi kembali hasil haram di bawah undang-undang sedia ada bagi tujuan dijadikan hasil kerajaan."

"Bahagian ini akan terus bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan dan Jabatan Perguam Negara bagi tujuan perkongsian latihan, maklumat risiko dan operasi," katanya.

Terdahulu pada sidang media, Azman berkata, KPDN meneruskan Ops Tiris pada tahun ini menerusi langkah penguatkuasaan pencegahan pengubahan wang haram sebagai usaha membanteras penyelewengan diesel bersubsidi yang masih berterusan.

Sepanjang tahun lalu, beliau berkata, pihaknya menjalankan beberapa operasi bersama agensi penguatkuasaan lain dan merekodkan 877 kes di bawah Ops Tiris, melibatkan Akta 613 yang mem-

bawa sifatan 6,441 liter liter diesel bernilai RM14.21 juta.

"Selain itu, rampasan RM7,027 juta wang tunai dalam akaun bank milik peniaga serta syarikat terbabit. Ini satu kejayaan dan ia akan diteruskan sehingga kita berpusat hati serta mencapai sasaran untuk mengurangkan ketirisan bahan diesel bersubsidi ini," katanya.

Penyelewangan diesel bersubsidi 500,000 liter dan ke atas akan dikenakan tindakan mengikut Akta 613, manakala penyelewangan diesel dengan liter lebih rendah tertakluk kepada Akta Kawalan Bekalan 1961.

Azman turut memberi peringatan kepada pemborong serta pengusaha stesen minyak supaya lebih berhati-hati dan menjalankan perniagaan mengikut lunas undang-undang.

"KPDN tidak teragak-agak mengenakan tindakan tegas sekiranya mereka didapati melakukan kesalahan," katanya sambil memaklumkan, KPDN turut menjalankan beberapa lagi operasi bersepadu sepanjang tahun lalu melalui Ops Reward dan Ops Pharma.

KPDN teruskan penguatkuasaan seleweng diesel

Ops Tiris cegah pengubahan wang

Oleh KAMARIAH KHALIDI

PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) akan terus melaksanakan Ops Tiris pada tahun ini menerusi langkah penguatkuasaan pencegahan pengubahan wang haram.

Ketua Pengarah Penguatkuasa KPDN, Datuk Azman Adam berkata, operasi tersebut sebagai usaha untuk membanteras penyeleweng minyak diesel bersubsidi yang dikesan masih lagi berlaku ketika ini.

Menurut beliau, sepanjang tahun lalu, Bahagian Penguat Kuasa KPDN telah menjalankan beberapa operasi bersama agensi penguatkuasaan lain dalam usaha mencegah aktiviti berkenaan.

Jelasnya, menerusi operasi itu sebanyak 877 kes di bawah Ops Tiris direkodkan melibatkan Akta Pencegahan Pengubahan

Wang Haram, Pencegahan Pembentangan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUA 2001) [Akta 613].

Katanya, hasil operasi itu juga membawa kepada sitaan 6.441 juta liter diesel bernilai RM14.21 juta, selain rampasan RM7.027 juta wang tunai di dalam akaun bank milik peniaga serta syarikat terlibat.

"Ini adalah satu kejayaan dan ia akan teruskan sehingga kita berpuas hati dan mencapai sasaran untuk mengurangkan ketirisan bahan diesel bersubsidi ini.

"Kita berpandangan bahawa sehingga mana Ops Tiris ini berjaya membawa sesuatu yang positif, kita akan teruskan lagi," katanya menerusi sidang akhbar di sini semalam.

Selain Ops Tiris, Azman berkata, KPDN turut menjalankan beberapa lagi operasi bersepadan sepanjang tahun lalu membabit-

kan Ops Reward yang bertujuan membanteras aktiviti skim piramid dan Ops Pharma kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, Akta Racun 1952 dan Akta Cap Dagangan 2019.

"Secara keseluruhan sepanjang tahun 2023, sebanyak RM1,715,053 nilai kompaun telah ditawarkan dan dijelaskan, manakala sebanyak RM137,517.69 nilai harta alih telah dilucutkan dan dijadikan hasil kerajaan Malaysia," katanya.

Oleh itu, katanya, tindakan berterusan akan dilaksanakan oleh Seksyen Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Bahagian Penguatkuasa KPDN bagi memperkasakan penguatkuasaan Akta 613 termasuk mendapatkan kembali hasil haram yang diperolehi di bawah undang-undang sedia ada.



AZMAN (tengah) ketika sidang akhbar berkenaan penguatkuasaan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang haram, Pencegahan Pembentangan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram di Putrajaya semalam.

Berniaga boleh, janji jaga nama baik negeri

HANTARAN tular seorang pemilik akaun TikTok baru-baru ini yang berkongsi pengalamannya mengunjungi sebuah restoran di Pulau Pangkor mencetuskan reaksi daripada pihak berkuasa.

Berdasarkan perkongsian itu, dinyatakan bahawa sebuah restoran yang menjual makanan tanpa mengikut garis panduan sepatutnya telah mempamerkan harga makanan dan menjualnya dengan harga 'cekik darah'.

Kesan daripada hantaran di media sosial itu akhirnya menyebabkan restoran berkenaan dikenakan tindakan undang-undang oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN).

Rata-rata orang ramai menyifatkan tindakan peniaga terbabit sebagai tidak bertanggungjawab, bahkan mehcemarkan nama baik Pulau Pangkor yang saban tahun dikunjungi oleh ribuan pelancong ke salah satu destinasi popular di Perak berkenaan.

Bahkan, sifat tamak pengusaha premis yang menjual makanan laut tersebut secara tidak langsung memberi kesan terhadap peniaga lain yang berniaga secara jujur di pulau berkenaan.

Tindak balas KPDN dan pihak lain yang terlibat seperti



Analisis Semasa

Bersama
LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR

Majlis Perbandaran Manjung (MPM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagaimanapun wajar diberikan pujian kerana pantas dan cekap menangani isu tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Pelaburan, Industri dan Pembangunan Koridor Perak, Loh Sze Yee turut mengulas isu berkenaan dalam satu majlis di Taiping kelmarin apabila ditanyakan pemberita mengenai impak insiden tersebut terhadap Tahun Melawat Perak 2024.

Beliau berkata, isu berkenaan diberikan perhatian sewajarnya oleh Kerajaan Negeri Perak dan memberi jaminan sebarang insiden serupa pada masa akan datang akan terus ditangani agar hak-hak pelancong dijamin dan dibela.

Katanya, ini kerana Perak merupakan salah sebuah negeri di negara ini yang popular sebagai destinasi pelancongan menarik serta diakui kos melancong di negeri ini termasuklah kos makanannya yang dianggap murah.

"Kerajaan negeri akan berusaha keras untuk pastikan semua adalah di bawah kawalan dan melaksanakan penguatkuasaan sekiranya perlu untuk menjaga kepentingan pelancong," katanya.

Beliau berkata, secara keseluruhan, Perak tidak mempunyai masalah peniaga mengambil kesempatan terhadap pelancong dan kejadian yang berlaku di Pulau Pangkor tersebut hanya dilakukan oleh segelintir kecil peniaga.

"Contohnya di Taiping, makan di mana-mana pun sedap dan murah tetapi kadang-kadang akan terjumpa seorang dua (peniaga) nak buat untung cepat. Ia tak melambangkan keseluruhan Taiping, begitu juga dengan Pulau Pangkor," katanya.

Disebabkan itu, Sze Yee berkata, secara umumnya tiada masalah sedemikian di negeri ini dan jika berlaku sekali pun, kerajaan negeri menerusi agensi penguatkuasaan undang-undang akan mengambil tindakan sewajarnya.

Beliau menegaskan, ia bagi memastikan keadaan adalah dalam kawalan agar kepentingan pelancong terjaga serta tiada pihak cuba mengaut keuntungan dengan cara tidak sepatutnya.

ERASING TRACKS

MONEY LAUNDERERS' SLY METHODS REVEALED

Ministry out to eradicate money laundering

ADIB POVERA
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

DEPOSITING illicit proceeds into business or individual accounts and mixing the amount with revenue from legitimate sources of revenue were among the three modus operandi used by those involved in money laundering to hide their trail from the authorities.

Such tactics to evade arrest were uncovered by the Domestic Trade and Cost of Living Min-

istry's enforcement unit when they conducted several operations to eradicate money laundering in the country under the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 (AMLA).

The ministry's enforcement director-general Datuk Azman Adam said errant quarters also resorted to adopting a "structuring method".

"Under this method, the offenders would deposit the illicit proceeds into business or individual accounts of others, creating shell companies, procuring assets or making investments, making loan repayments and insurance payments."

"Some errant traders also resort to the 'hawala' instrument, which is a money transferring system that bypasses conventional bank-

ing or licensed financial companies," he said in a statement.

He also outlined the challenges faced by the ministry in combating money laundering activities in the country.

Azman said this included using cash transactions outside the banking system and the involvement of professionals such as accountants and company secretaries to evade detection by the authorities.

"We will continue to strengthen our enforcement according to the laws available and cooperate with other enforcement bodies to eradicate money laundering in the country," he said.

On another matter, Azman said more than RM56 million in assets were seized by the ministry from 2016 to last year.

He said the assets were seized from offenders who flouted



Domestic Trade and Cost of Living Ministry enforcement director-general Datuk Azman Adam has shed light on money launderers' sneaky activities. PIC BY HAIRUL ANUAR RAHIM

several laws, including AMLA.

During the same period, the ministry's enforcement division has also issued and collected RM12 million in fines and RM2 million in compound, subsequently contributing to about RM71 million in revenue to the federal government.

He said more than RM21 million worth of movable property in financial institutions were also frozen by the ministry.

frozen by the ministry.

"The ministry also seized some RM1 million in movable assets in financial institutions, about RM2.6 million in immovable assets, and more than RM84,000 in cash last year."

"The ministry also issued some RM1.7 million worth of compounds, which were subsequently settled by the offenders last year," he said.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

Lotus's Mart pertama di negara ini dibuka di Duyong, Melaka



Lotus's Mart dengan keluasan 1,000 meter persegi yang terletak di Duyong, Melaka merupakan yang pertama di negara ini.

MELAKA - Lotus's Stores Malaysia Sdn Bhd (Lotus's Malaysia) membuka tirai tahun baru 2024 dengan pembukaan Lotus's Mart yang pertama di negara ini di Duyong di sini.

Pembukaan pasar raya baru di Taman Desa Duyong pada Khamis dengan keluasan 1,000 meter persegi itu menjadikan cawangan ketiga Lotus's Malaysia di negeri ini selain Lotus's Peringgit dan Lotus's Cheng.

Pengarah Stor (Kawasan Sentral 2) Lotus's Malaysia, Jayakumar Govindan berkata, pembukaan cawangan ini merupakan kerjasama antara Mcorp dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Duyong, Datuk Mohd Noor Helmy Abdul

Halem yang berjaya menyediakan kemudahan tersebut dengan dilengkapi lebih 5,000 barang keperluan runcit.

Menurutnya, dengan penambahan Lotus's Mart Duyong, cawangan Lotus's Malaysia secara keseluruhannya berjumlah 69 stor yang dikendalikan di seluruh Semenanjung Malaysia.

"Walaupun Lotus's Mart Duyong ini bersaiz lebih kecil berbanding dua cawangan yang terdapat di Melaka, namun keunikannya akan mewujudkan ekosistem yang bermanfaat dan kemudahan kepada penduduk dan perniagaan sekitar.

"Kita juga akan melanjutkan waktu operasi sehingga jam 12 tengah malam



Jayakumar (kiri), Mohd Noor Helmy (dua dari kiri) dan Norena (dua dari kanan) ketika perasmian Lotus's Mart Duyong di Taman Desa Duyong, Melaka pada Khamis.

untuk memberikan peluang kepada pelanggan menikmati pelbagai promosi yang ditawarkan bermula Khamis hingga Sabtu ini," katanya selepas majlis perasmian pembukaan pasar raya itu oleh Mohd Noor Helmy di Duyong di sini pada Khamis.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Mcorp, Datuk Lim Chow Beng dan Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Norena Jaafar.

Tambah Jayakumar, antara tawaran istimewa pembukaan hari pertama ialah jualan ikan siakap dan ayam dengan harga RM1 seekor, ditawarkan kepada seramai 250 pengguna terawal selain

selain promosikan tembakai dan kentang pada harga serendah 99 sen satu kilogram hingga Sabtu ini.

Sementara itu, Mohd Noor Helmy berkata, pembukaan itu sekali gus mampu memberi limpahan kepada golongan berpendapatan rendah (B40) mendapatkan keperluan dengan harga lebih rendah.

"Ia sejajar dengan hasrat Kerajaan Madani yang prihatin dengan penawaran jualan murah kepada pengguna berkonseptan Jualan Rahmah."

"Malah turut disediakan sebanyak 25 peluang pekerjaan kepada anak tempatan untuk berkhidmat di pasar raya itu," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Talks on padi issues set for Jan 19

KUALA LUMPUR: The Malaysia Competition Commission (MyCC) has expressed readiness to discuss issues related to the *padi* and rice industry with the Office of Padi and Rice Monitoring of the Agriculture and Food Security Ministry.

MyCC said it submitted a written letter to

the office in October last year, indicating its willingness to engage in discussions to address any competition concerns.

The commission emphasised that it had not initiated any investigations into parties in the *padi* and rice industry and had not received information from any parties.

A meeting between MyCC and the ministry office is scheduled for Jan 19.

MyCC also urged caution in making speculations, especially since the office had issued a formal statement on Jan 4, that based on its findings, there were no competition issues in the *padi* and rice industry. – Bernama

'Ghost' firm offering middlemen services

By RAGANANTHINI VETHASALAM and JUNAID IBRAHIM
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: A company is providing a one-stop online application system that deals with foreign workers' welfare management centres, labour supply, counselling services and even immigration detention camps.

There's only one problem.

The foreign missions here have no knowledge about this company or its services.

Indonesian ambassador Hermono has denied any involvement with the company as far as the republic's migrant workers in Malaysia are concerned.

His office is now considering action against the company for using the country's national emblem.

"They don't have authority to put our logo without permission

from the embassy. We will take action as our logo is there (on the website) without our permission," he told *The Star*.

The company claims to be acting as a "support organisation" to attend to the welfare of foreign workers by providing links to "embassies and authorities" here.

It claims to have an online registry for details of foreign workers, an electronic link-up to the Malaysian authorities, and an online complaint reporting system.

It also claims to have a portal to handle reports and complaints and says it communicates with embassies, ministries and agents.

Although not spelt out, it appears as if the company is providing middleman services between authorities such as the Immigration Department and the offices of several embassies of foreign labour-source countries. The company claims to have a

database of those detained by immigration.

Among the source countries listed on the website are Indonesia, Cambodia, Bangladesh, Myanmar, Nepal and Pakistan.

Industry players have also denied any knowledge of the company and its services.

"I cross-checked with labour groups and they denied knowing anything about the company. Why are they providing such services when there are other migrant groups that are already providing such services without a fee?" asked a stakeholder.

A purported agreement bearing the signatures of the company's managing director and an officer of a Nepal government agency – to provide welfare services and protect migrant workers from Nepal here – has also come to light.

However, a source from the Nepal embassy said they had no

official information about the agreement.

According to Companies Commission Malaysia (SSM) records, the company was incorporated in 2009.

It is involved in providing application, programming, information technology and development services, the development of foreign workers welfare management centres, as well as training and consultancy services.

Its financial records also showed the company was in the red for the financial year ending June 30, 2022.

The Star is withholding the company's name for the time being.

The Star has also reached out to Human Resources Minister Steven Sim, Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail and Immigration Department director-general Datuk Ruslin Jusoh for their comments.

Intellectually sound move

IN a significant leap forward for intellectual property (IP) protection, MyIPO (Intellectual Property Corporation of Malaysia) has introduced a ground-breaking initiative called Copyright to You (CR2U) to expedite the certification and notification processes for copyright. "Copyright certification now takes 30 minutes" (*The Star*, Dec 20, 2023).

This initiative is set to transform the landscape for creators and copyright owners, providing swifter and more efficient protection for their intellectual works.

The Copyright Act of 1987, which covers a wide range of creative works, has long been the backbone of copyright protection in Malaysia. However, the certification process used to take three to six months.

This new initiative promises to get it done in just 30 minutes, subject to terms and conditions.

MyIPO chairman Dr Mohd Zuhar Mohd Zain said the CR2U initiative aligns with the rapid development in the creative industry, and projected an increase of between 30% and 40% in registrations starting this year.

The introduction of CR2U is seen as a proactive step to meet the demands of the modern digital era where intellectual property rights have become increasingly crucial. With economic, legal and moral rights granted to copyright holders in Malaysia, this initiative further fortifies the rights of creators.

The CR2U initiative also addresses the perplexing delay in copyright registration, making it similar to obtaining a passport or licence within an hour.

This user-friendly approach is expected to encourage more individuals and organisations to secure their legal proprietary

rights promptly.

As the Malaysian government aims to foster innovation, creativity and economic expansion, a robust legal framework is provided by the Copyright Act of 1987. The CR2U initiative adds another layer of efficiency to this framework, ensuring that creators and copyright holders can safeguard their intellectual property with ease.

Securing copyright certification is not just a legal formality; it is a crucial step for creators and copyright owners to assert their rights in the dynamic landscape of the creative industry. With the swift and user-friendly CR2U initiative, the importance of obtaining copyright certification will become even more evident.

By notifying their copyright through this streamlined process, individuals and organisations will gain a competitive edge in pro-

tecting their intellectual creations from unauthorised use. This not only safeguards the economic interests of creators but also preserves the integrity and originality of their work.

In a world where digital content can be easily shared and reproduced, timely copyright notification at MyIPO ensures that creators can navigate the evolving landscape of intellectual property with confidence, thereby fostering a culture of innovation and creativity in Malaysia.

With the potential to revolutionise the copyright certification process, this initiative is poised to empower creators, enhance awareness, and contribute to the continued growth of the creative industry in the country.

SHAHRIZAL MIZANI
Universiti Sains Islam
Malaysia



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 12 JANUARI 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
12-Jan	PENGUATKUASAAN OP TIRIS BANTERAS PENGUBAHAN WANG HARAM	https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/kpdn-teruskan-ops-tiris-banteras-pengubahan-wang-haram/	UTUSAN MALAYSIA
12-Jan	PENGUATKUASAAN OP TIRIS BANTERAS PENGUBAHAN WANG HARAM	https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/01/1198951/kpdn-kesan-3-mo-peniaga-guna-ubah-wang-haram	BERITA HARIAN
12-Jan	PENGUATKUASAAN OP TIRIS BANTERAS PENGUBAHAN WANG HARAM	https://malaysiagazette.com/2024/01/11/kpdn-keluar-kompaun-lebih-rm1-7-juta-sepanjang-2023-azman/	MALAYSIA GAZETTE
12-Jan	PENGUATKUASAAN OP TIRIS BANTERAS PENGUBAHAN WANG HARAM	https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/643825	SINAR HARIAN
12-Jan	LETAK TANDA HARGA DENGAN JELAS	https://sabahmedia.com/2024/01/11/peniaga-dinasihatkan-letak-tanda-harga-dengan-jelas-elak-dikenakan-tindakan-undang-undang-kpdn-sandakan/	SABAH MEDIA
12-Jan	PENGUATKUASAAN OP TIRIS BANTERAS PENGUBAHAN WANG HARAM	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-teruskan-penguatkuasaan-op-tiris-khusus-di-bawah-akta-613-453624?amp=1	ASTRO AWANI
12-Jan	PENGUATKUASAAN OP TIRIS BANTERAS PENGUBAHAN WANG HARAM	https://www.nst.com.my/amp/news/nation/2024/01/100016/erasing-tracks-money-launderers-sneaky-methods-revealed	NEW STRAITS TIMES
12-Jan	RAMPASAN 6.44 JUTA LITER DIESEL BERSUBSIDI	https://malaysiagazette.com/2024/01/11/kpdn-rampas-6-44-juta-liter-diesel-bersubsidi-tahun-lepas-azman/	MALAYSIA GAZETTE

12-Jan	PENGUATKUASAAN OP TIRIS BANTERAS PENGU-BAHAN WANG HARAM	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/ops-tiris-rampas-6-441-juta-liter-minyak-diesel-kpdn	BERITA RTM
12-Jan	PENGUATKUASAAN OP TIRIS BANTERAS PENGU-BAHAN WANG HARAM	https://thesun.my/local_news/kpdn-to-continue-ops-tiris-under-act-613-EO11973623	THESUN
12-Jan	PENGUATKUASAAN OP TIRIS BANTERAS PENGU-BAHAN WANG HARAM	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2261555	BERNAMA
12-Jan	SINDIKET PENYELUDUPAN DIESEL	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tumpas-sindiket-penyaludupan-diesel-bernilai-rm152-juta-12-lelaki-ditahan-453667?amp=1	ASTRO AWANI
12-Jan	SINDIKET PENYELUDUPAN DIESEL	https://www.freemalaysiatoday.com/amp/category/bahasa/tempatan/2024/01/11/seludup-diesel-bersubsidi-lebih-rm15-juta-12-lelaki-ditahan/	FREE MALAYSIA TODAY
12-Jan	SINDIKET PENYELUDUPAN DIESEL	https://www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2024/01/11/bukit-aman-cops-bust-smuggling-ring-with-seizure-of-diesel-worth-rm15m-arrest-12-in-klang/111952	MALAY MAIL
12-Jan	SINDIKET PENYELUDUPAN DIESEL	https://themalaytribune.com/bukit-aman-cops-bust-smuggling-ring-with-seizure-of-diesel-worth-rm15m-arrest-12-in-klang/	THE MALAY TRIBUNE
12-Jan	SINDIKET PENYELUDUPAN DIESEL	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2261696	BERNAMA
12-Jan	SINDIKET PENYELUDUPAN DIESEL	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/01/1049609/sindiket-seludup-diesel-tumpas-12-ditahan	HARIAN METRO
12-Jan	SINDIKET PENYELUDUPAN DIESEL	https://thesun.my/cerita/bukit-aman-seludup-diesel-bersubsidi-bernilai-lebih-rm15-juta-12-lelaki-ditahan-FO11976012	THESUN

12-Jan	JUALAN RAHMAH	https://www.thestar.com.my/metro.metro-news/2024/01/12/jualan-rahmah-chalks-up-rm26mil-in-sales	THE STAR
12-Jan	IKAN SIAKAP, AYAM RM1	https://portal.sinarharian.com.my/index.php/2024/01/11/ikan-siakap-ayam-rm1-meriahkan-pembukaan-lotuss-mart-duyong-2/	SINAR HARIAN
12-Jan	PENGUATKUASAAN OP TIRIS BANTERAS PENGUBAHAN WANG HARAM	https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/01/1198951/bagaimana-peniaga-ubah-wang-haram-ini-pendedahan-kpdn	BERITA HARIAN
12-Jan	PENGUATKUASAAN OP TIRIS BANTERAS PENGUBAHAN WANG HARAM	https://www.businesstoday.com.my/2024/01/11/enforcement-of-anti-money-laundering-measures-by-kpdn-throughout-2023/	BUSINESS TODAY
12-Jan	PENGUATKUASAAN OP TIRIS BANTERAS PENGUBAHAN WANG HARAM	https://www.wilayahku.com.my/lebih-rm1-7-juta-kompaun-dikeluar-kpdn-sepanjang-2023/	WILAYAHKU